

# Gerakan akan tambah calon wakil rakyat wanita

PULAU PINANG 24 Jun - Parti Gerakan bercadang menambah bilangan calon wanita pada pilihan raya umum akan datang sekali gus memberi peluang golongan itu berkhidmat sebagai wakil rakyat.

Pemangku Presidennya, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, peluang wanita memikul tanggungjawab itu sentiasa terbuka dengan syarat mereka memenuhi kriteria yang diperlukan.

"Mereka ini mestilah mempunyai pengalaman, berkelayakan, memiliki keperibadian serta kebolehan yang sesuai supaya dapat menjalankan tanggungjawab sebagai wakil rakyat dengan baik dan dicontohi masyarakat.

"Jika jumlah golongan wanita melebihi 50 peratus calon lelaki pun tidak mengapa kita akan terima dan yang penting mereka ini betul-betul layak," ketanya kepada

UM : SMN 25/6/2004  
pemberita selepas merasmikan pejabat Gerakan Bahagian Bukit Gelugor di sini hari ini.

Beliau yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang menambah, selain ciri-ciri tersebut, calon itu juga perlu mendapat restu daripada keluarga.

Di Pulau Pinang, bilangan wanita yang menjadi wakil rakyat ketika ini ialah empat orang iaitu dua daripada UMNO serta masing-masing seorang daripada MCA dan Gerakan.

Semalam, Pergerakan Wanita UMNO meminta lebih banyak kerusi diperuntukkan kepada wanita pada pilihan raya umum akan datang supaya golongan itu mempunyai lebih kuasa dalam kerajaan.

Naib Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, bilangan wanita yang dilantik sebagai pembuat keputusan masih kecil walaupun ramai di kalangan mereka

berpendidikan tinggi dan mempunyai kemahiran.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberitahu, bilangan wanita sebagai wakil rakyat di negara ini masih kecil berbanding negara lain.

Dalam pada itu, Tsu Koon yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata, jumlah cawangan bagi parti itu di negeri ini meningkat daripada 132 kepada 268 selepas pindaan perlembagaan parti yang membenarkan setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) menubuhkan 18 cawangan.

Jelas beliau, pada asalnya setiap satu kawasan hanya mempunyai sebuah cawangan sebelum dipinda kepada 12 dan pindaan kali terakhir selepas proses persempadanan semula kawasan pilihan raya 2004 kepada 18 cawangan.